

PEMIKIRAN MELAYU DALAM CERITA LIPUR LARA (MALAY MINDS IN FOLKLORE)

EZZAH'AFIFAH NASRUDIN* DAN CHE IBRAHIM SALLEH

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia 43400, Serdang, Selangor.

*Corresponding author: ezzah88afifah@yahoo.com

Abstrak: Cerita lipur lara merupakan sejenis cerita rakyat Melayu yang mengandungi unsur dongeng dan sering dikaitkan dengan pengembaraan seorang wira dan wirawati dalam kalangan putera dan puteri raja. Percintaan, kesaktian dan peragungan wira ialah tema utama cerita lipur lara. Aspek pemikiran Melayu dapat dilihat berdasarkan aspek pemikiran yang dicerminkan oleh cerita lipur lara, khususnya dalam teks yang terpilih seperti Hikayat Malim Deman, Hikayat Malim Dewa, Hikayat Awang Sulung Merah Muda dan Hikayat Raja Muda. Setiap teks itu akan dikenal pasti, dianalisis dan diuraikan aspek pemikiran dengan rinci. Kajian yang dijalankan berdasarkan kaedah kepustakaan. Hasilnya terdapat beberapa buah cerita lipur lara yang sudah dibukukan. Pendekatan sosiologi diterapkan kerana pendekatan tersebut dapat merungkai perkara yang tersirat dalam cerita dan tujuan cerita tersebut. Pemikiran Melayu yang terkandung ialah pemikiran tentang moral dan budi, sosiopolitik dan kepemimpinan, kepahlawanan, sosioekonomi dan agama.

Kata Kunci: Cerita lipur lara, unsur dongeng, pemikiran, moral dan budi, kepahlawanan.

Abstract: Folklore stories is a type of Malay stories which constitutes of fairy tale elements which are often associated with the adventures of hero and heroines among princes and princesses. Romance, magical and aggrandizement of the hero is the main theme of the story. Aspects of Malay thinking can be seen in the chosen story, particularly in the selected text as Hikayat Malim Deman, Hikayat Malim Dewa, Hikayat Awang Sulung Merah Muda and Hikayat Raja Muda. Each text will be identified, analyzed and described in detail from the aspects of thinking. Studies conducted by using the literature methods. As a result, there are several books related to folklore stories that have been recorded. Sociological approach is applied because it can unlock issues implied in the story and the purpose of the story. Among the Malay thinking embodied are thoughts about moral and character, sociopolitical and leadership, heroism, socioeconomic and religions.

Keywords: Folklore stories, tales, thoughts, moral and deeds, heroism.

Pengenalan

Ismail Hamid (1988:130) mengatakan bahawa sebelum wujudnya perkembangan pengaruh peradaban luar di Alam Melayu, orang Melayu mempunyai sistem pendidikan dan pengajaran mereka sendiri yang bercorak formal dan tidak formal. Sistem pendidikan yang tidak formal berlaku dalam lingkungan keluarga yang mengajar nilai budaya masyarakat tradisional melalui kesusasteraan lisan. Tradisi lisan dikatakan membawa pengertian yang lebih luas, meliputi bahan naratif dan non-naratif, dan apa-apa juga bentuk ekspresi lisan sesuatu budaya. Di dalamnya termasuk cerita lipur lara, cerita jenaka, mitos, legenda, peribahasa, pantun, ungkapan adat, nyanyian rakyat, tarian, drama, permainan rakyat, bahasa isyarat, dan sebagainya. Sastera rakyat ialah sebahagian daripada tradisi lisan yang dapat difahami

sebagai ekspresi budaya yang menggunakan bahasa dan mempunyai hubungan langsung dengan berbagai-bagai aspek budaya seperti agama dan kepercayaan, undang-undang, keperluan masa lapang, kegiatan ekonomi, sistem kekeluargaan dan susunan nilai sosial masyarakatnya (Safian Hussain dll 1988: 293-294).

Sastera rakyat berbentuk cerita disebut juga cerita rakyat atau cerita lisan, terdiri daripada beberapa jenis cerita. Antaranya cerita lipur lara, cerita teladan, cerita binatang, cerita jenaka, mitos dan legenda. Sastera rakyat berbentuk bukan cerita pula sebahagian besarnya berupa puisi seperti ungkapan rakyat, nyanyian rakyat, ungkapan adat, teka-teki, pantun dan gurindam. Salah satu fungsi sastera rakyat ialah mengungkapkan pemikiran masyarakat yang melahirkannya.

Pernyataan Masalah

Penglipur lara merujuk kepada penutur yang menyampaikan sesebuah cerita, seseorang yang tertentu dan khusus menjalankan pekerjaan untuk menglipur lara kepada para pendengar. Hal ini bermakna individu yang bertanggungjawab menuturkan cerita rakyat itu tergolong daripada individu yang benar-benar mahir dalam menyampaikan sesebuah cerita rakyat. Kini, penutur asli cerita rakyat semakin pupus dan lenyap ditelan zaman. Kehilangan penutur asli ini juga menjadi faktor kepada kepupusan cerita rakyat ini jika tiada usaha untuk mendokumentasikan cerita rakyat yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat. Impaknya dapat menyebabkan generasi muda tidak mengetahui setiap pemikiran yang ingin disampaikan melalui cerita rakyat yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Selain itu, generasi muda kini menganggap cerita penglipur lara hanya sebuah dongengan dan hiburan semata-mata. Hal ini menyebabkan cerita rakyat pupus dan hilang tanpa diwarisi.

Objektif

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek pemikiran Melayu yang dicernakan oleh cerita lipur lara, khususnya dalam teks yang dipilih. Kajian ini juga akan menganalisis dan menghuraikan aspek pemikiran dengan rinci. Di samping itu, kajian ini dapat melihat gambaran kehidupan masyarakat Melayu melalui pemikiran dalam cerita lipur lara yang dikaji.

Kaedah

Kajian ini dilakukan melalui kaedah kepustakaan dan telah menemukan buku yang dihasilkan berkaitan dengan cerita lipur lara yang sudah dibukukan. Selain itu, kajian juga dijalankan dengan membaca beberapa artikel, makalah dan hasil penerbitan yang bersifat ilmiah serta temu bual dengan beberapa 'pakar' kesusasteraan rakyat Melayu.

Batasan

Oleh sebab cerita lipur lara diperturunkan dan diperkembangkan secara lisan daripada satu generasi kepada satu generasi, maka pengkaji hanya akan mengkaji cerita lipur lara yang telah dibukukan. Buku yang diberikan fokus ialah Hikayat Malim Deman, Hikayat Malim Dewa, Hikayat Awang Sulung Merah Muda dan Hikayat Raja Muda.

Oleh itu, beberapa contoh puisi yang sesuai bagi setiap huraian pemikiran perlu dikaji. Pemikiran tersebut ialah pemikiran tentang moral dan budi, sosiopolitik dan kepemimpinan, kepahlawanan, sosioekonomi dan agama.

Kerangka Teori

Teori sosiologi dalam sastera merupakan pendekatan yang bertitik tolak kepada orientasi pengarang. Menurut Abrams (1971:178), sosiologi sastera dilihat pada tulisan para kritikan sastera dan ahli sejarah sastera yang utamanya ditujukan pada cara seseorang pengarang dipengaruhi oleh status kelasnya, ideologi masyarakat, keadaan ekonomi yang berhubungan dengan pekerjaannya dan jenis pembaca. Kesemuanya itu terangkum dalam aspek yang membangun sebuah cipta sastera. Teori sosiologi terdapat dua aliran, iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Aliran intrinsik merupakan unsur yang diangkat daripada isi karya sastera seperti tema, plot, perwatakan, gaya bahasa, dan penokohan. Aliran ekstrinsik pula merupakan pengaruh dari luar yang terdapat dalam karya sastera itu. Antaranya ialah sosiologi, politik, filsafat, antropologi, dan lain-lain. Pendekatan sosiologi diterapkan dalam pemikiran Melayu dalam cerita penglipur lara bertujuan untuk memaparkan perkaitan unsur yang membangun dalam sebuah karya sastera dengan rinci dari aspek kemasyarakatan pengarang, pembaca, dan gejala sosial yang ada.

Konsep Pemikiran

Mind (fikiran) berasal daripada bahasa Teutonic kuno, iaitu Gamundi yang bererti berfikir, mengingat, bermaksud (*intend*)

(Adam Kuper dan Jessica Kuper, 2000:667). Berdasarkan maksud asal kata itu, pemikiran boleh ditakrifkan sebagai timbunan pelbagai persepsi dan proses penyusunan idea dengan teratur, mencari hubungan serta membuat suatu kesimpulan. Pemikiran melibatkan perolehan, manipulasi dan pertukaran simbol dan idea. Simbol merupakan satu cara yang mewakili peristiwa, objek atau idea. Sistem simbol yang paling penting dan tersusun bagi manusia ialah bahasa.

Pemikiran merupakan aspek penting yang tersirat atau tersurat dalam karya. Pemikiran sering berpandukan suatu fikiran untuk menghasilkan sesuatu gagasan. Sidi Ghazalba (1973:16) mendefinisikan pemikiran sebagai satu urutan tanggapan yang tertib, yakni mengarah pada satu tujuan. Asmah Hj. Omar (1986:9) mengatakan bahawa pemikiran sebagai keadaan fikiran yang mempunyai berbagai-bagai gambaran atau citra kepada keadaannya yang sudah mempunyai konsep yang abstrak dan perkaitan antara peringkat itulah yang menjadi tumpuan perhatian. Zainal Kling (1989: 18) pula mengatakan bahawa pemikiran ialah suatu kegiatan untuk membentuk satu sistem tanggapan yang akan menjadi rangka berfikir bagi semua anggota masyarakat.

Habibah Alias dan Rahil Mahyudin (1990:86) mentakrifkan pemikiran sebagai satu proses untuk manusia memanipulasikan perkara di persekitaran. Proses yang terlibat dalam pemikiran ialah proses kognitif. Oleh itu, dalam aspek pemikiran, seseorang individu itu akan menggunakan pengamatan untuk melihat perkaitan rangsangan untuk meneruskan tujuannya. Pemikiran terbahagi kepada dua, iaitu pemikiran yang diarahkan dan pemikiran yang tidak diarahkan. Pemikiran yang diarahkan mempunyai maklumat dan pemikiran jenis ini selalu berlaku dalam proses penaakulan pemikiran kritikal dan kreativiti. Manakala pemikiran yang tidak diarahkan tidak mempunyai matlamat, seperti berangan-angan.

Othman Puteh (1983:97) pula mengatakan bahawa pemikiran merupakan teras tamadun sesuatu bangsa. Oleh itu, ketinggian sesuatu

bangsa itu sendiri mencetuskan pemikiran yang menjadi dasar kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan sebagai menganalisis diri. Pemikiran juga merupakan intipati atau unsur yang dicetuskan oleh akal dalam memberikan penyelesaian terhadap beberapa persoalan tentang kehidupan manusia.

Menurut S. Othman Kelantan (1989), pemikiran itu dihubungkan dengan akal. Akal itu sama dengan *mind* dalam bahasa Inggeris. Maksud akal atau *mind* itulah yang menjadi fakulti segala kegiatan berfikir manusia dan berpunca dari situ muncul pelbagai bentuk pemikiran manusia. Setelah itu, akal atau *mind* itu dihubungkan dengan individu intelektual yang selalu berfikir atas sesuatu masalah dalam masyarakat, seperti yang disebut oleh Syed Hussein al-Attas (1970:32) bahawa "*an intellectual is a person who is engaged in thinking about ideas and non material problem using the faculty of reason*" dan "*The intellectuals produce ideas and spread them to the other members of society*".

Oleh yang demikian, nyatalah yang disebut pemikiran itu ialah idea yang wujud daripada golongan cendekia yang telah menggunakan akalnya dalam memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakat yang melibatkan dirinya atau lingkungannya, dan pemikirannya itu disebarkan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau keluar daripada masyarakatnya. Dapatlah dikatakan bahawa pemikiran merupakan satu tanggapan yang tertib, mengarah kepada satu kajian yang boleh dijadikan pegangan terhadap sesuatu. Dalam pemikiran, tersusun beberapa impian dan harapan, merenung dan menerima idea dan mempunyai matlamat. Pemikiran juga berlaku sebagai proses penaakulan yang melibatkan proses berfikir dengan pertimbangan akal yang kritis dan kreatif, akhirnya menghasilkan satu penyelesaian dan keputusan yang boleh menyelesaikan masalah.

Cerita Lipur Lara

Cerita lipur lara ialah cerita yang beredar dalam masyarakat dari mulut ke mulut. Cerita rakyat Melayu ini sering diperkatakan dan

mendapat perhatian daripada para pengkaji kesusasteraan Melayu lama. Ini disebabkan cerita tersebut mempunyai ciri yang unik dan dapat membedakannya daripada cerita rakyat Melayu yang lain. Keunikan cerita lipur lara bukan sahaja terletak pada ceritanya tetapi juga pada penutur dan persembahannya. Dalam masyarakat Minangkabau, cerita seperti ini dikenali sebagai kaba, iaitu prosa berirama yang dapat didengarkan.

Cerita lipur lara ialah cerita roman yang biasanya mengandungi unsur adventure (Abu Bakar Hamid 1974:32). Pada hari ini, masyarakat Melayu mengenali sejumlah cerita lipur lara tercetak seperti Hikayat Malim Dewa, Hikayat Malim Deman, Hikayat Anggun Cik Tunggal, Hikayat Terung Pipit, Hikayat Awang Sulung Merah Muda, Hikayat Raja Muda, Cerita Raja Dera, Cerita Sulung Jawa, Cerita Seri Rama, dan sebagainya. Sementara masyarakat Minangkabau pula mengenali Kaba Si Malim Deman, Kaba Anggun Nan Tungga Magek Jabang, Kaba Si Umbuik Mudo, dan sebagainya.

Penutur cerita lipur lara dapat digolongkan kepada dua golongan, iaitu penutur profesional dan penutur amatir. Penutur profesional ialah penutur yang menyampaikan cerita secara istimewa – menggunakan bahasa yang berbeda daripada pertuturan sehari-hari, sering kali menggunakan alat pengiring, dan persembahannya berbentuk formal. Penutur cerita lipur lara biasanya diundang khas dan menerima upah untuk persembahannya itu. Termasuk dalam golongan ini ialah penutur yang menjadikan aktiviti bercerita sebagai pekerjaan sambilan dan mungkin membuat persembahan hanya sekali dalam masa lima tahun (Sweeney Todd 1973:8).

Alat pengiring yang biasa digunakan dalam persembahan cerita lipur lara ialah rebab, biola dan batil. Ada juga persembahan yang diiringi beberapa jenis alat pengiring seperti biola, dan gendang keling (Awang Had Salleh, 1965:58). Walaupun demikian, ada pula cerita yang disampaikan tanpa iringan muzik. Dalam hal ini, kaba agak unik sifatnya kerana kaba yang disampaikan tanpa dendangan dan muzik

pengiring tidak akan didengar orang. Alat pengiring kaba ada pelbagai. Antaranya rebab, biola, rebana, salung (alat tiup daripada buluh), puput (alat tiup daripada batang padi atau ranting buluh) dan kotak mancis yang dijentik dengan jari (Jamil Bakar *et al.*, 1979:6). Kaba yang disampaikan dalam bentuk randai akan diiringi muzik talempong.

Sebagai cerita lisan, faktor bahasa memainkan peranan penting dalam penyampaian lipur lara. Cerita biasanya disampaikan dalam prosa lirik. Penutur lipur lara yang baik dan cekap akan dapat menyampaikan cerita dengan cara yang menarik. Dalam hal ini, kemampuan bercerita dengan bahasa yang berbeza daripada pertuturan seharian harus pula sejalan dengan nada suara dan muzik pengiring.

Cerita lipur lara dan kaba mempunyai fungsi tertentu dalam masyarakat, iaitu untuk menghiburkan hati yang lara. Sesuai dengan namanya lipur lara pastilah salah satu fungsinya sebagai sumber hiburan. Walaupun genre cerita rakyat yang lain juga ada unsur hiburan, cerita lipur lara lebih mengutamakan fungsi ini. Malahan, ada pengkaji yang berpendapat bahawa cerita lipur lara mempunyai tujuan pelarian (escapism) (Mohd Taib Osman 1981:13).

Kebanyakan cerita lipur lara berkisar di sekitar istana, tentang putera dan puteri raja. Putera raja ialah wira cerita yang tampan, gagah, sakti dan tidak terkalahkan. Puterinya pula cantik jelita tiada bandingan. Cerita dipenuhi dengan kisah kesaktian dan dewa-dewi. Hubungan antara dunia dan kayangan tiada batasan. Sebagai contoh, beberapa cerita yang sudah dikenali seperti Hikayat Malim Deman, Hikayat Anggun Cik Tunggal, Hikayat Terung Pipit Hikayat dan Raja Muda, juga dalam cerita masih dalam bentuk lisan seperti Cerita Pak Wan Selampit, Cerita Siamang Tunggal dan Cerita Pendekar Bujang banyak menonjolkan hal ini.

Sebahagian besar cerita lipur lara bertemakan percintaan antara wira dengan wirawati dan peperangan yang terpaksa dihadapi oleh wira dalam mencapai sesuatu tujuan. Kegagahan dan kesaktian wira sangatlah ditonjolkan. Jelasnya percintaan, kesaktian dan

keagungan wira ialah tema utama cerita lipur lara. Peristiwa yang berlaku dan tindak-tanduk wataklah menunjang tema yang diutarakan. Unsur cerita yang digunakan untuk menarik minat masyarakat amat banyak. Antaranya ialah unsur jenaka, fantasi, roman atau percintaan dan unsur berkelana dalam kalangan wira dan wirawatnya.

Struktur cerita lipur lara keseluruhannya dapat dibahagikan kepada tiga peristiwa besar, iaitu kelahiran, pengembaraan, dan penyelesaian. Wira diceritakan lahir dalam keadaan istimewa ataupun aneh biasanya disertai tanda kesaktian dan kelebihannya, dalam suasana alam yang hebat dan luar biasa dengan hujan ribut dan petir sabung-menyabung atau dalam keadaan alam yang tenang nyaman, diterangi cahaya bulan purnama. Kadang kala wira lahir bersama senjata sakti atau kembar dengan binatang sakti yang akan dapat membantunya pada masa hadapan. Dalam sesetengah cerita pula, ibu bapa wira meninggal dunia setelah wira dilahirkan. Sebagai contoh, terdapat beberapa deskripsi kelahiran wira dalam cerita lipur lara:

Hari Ahad bertimpa Isnin,
Dua belas hari bulan,
Dua belas tapak bayang-bayang,
Menderau-derau hujan panas,
Sabung-menyabung kilat,
Panah-memanah halilintar,
Berbunyi sekalian bunyi-bunyian.
Maka permaisuri pun berputeralah seorang
Laki-laki. Segeralah ...

(Hikayat Malim Deman 1963:3)

Watak dalam cerita lipur lara juga memperlihatkan ciri tertentu. Biasanya watak pipih yang bersifat hitam-putih merupakan watak yang dominan dalam cerita begini. Wira dan wirawati digambarkan secara serba sempurna. Lihat contoh deskripsi ini :

Adapun di antara tuan puteri yang tujuh beradik itu seorang yang teramat elok rupanya mengalahkan sifat sekalian perempuan di dalam negeri kayangan:

Minum air berbayang-bayang,
Santap sirih berkaca-kaca.

Jika bersandar tiang, tiang terus oleh
cahayanya, tiadalah
tolok bandingnya kepada zaman ini

(Hikayat Malim Deman 1963:3)

Jumlah watak dalam lipur lara bergantung pada plot cerita. Cerita yang panjang dengan plot yang berbelit-belit biasanya mengemukakan banyak watak, terutama watak tambahan. Bagaimanapun, watak wira dan wirawati dalam cerita lipur lara biasanya terdiri daripada putera dan puteri raja, sedangkan dalam kaba, watak ini boleh terdiri daripada sesiapa sahaja, bergantung pada tema cerita (Alis Murni 1969b:76). Watak wira dan wirawati dalam cerita lipur lara yang sudah terkenal seperti Hikayat Malim Deman, Hikayat Anggun Cik Tunggal, dan sebagainya ialah anak-anak raja.

Pemikiran tentang Nilai Moral dan Budi

Moral bermaksud ajaran atau pegangan yang berkaitan dengan buruk baik sesuatu perbuatan, kelakuan atau akhlak. Moral merangkumi tingkah laku ke arah yang positif serta diterima masyarakat. Oleh itu, moral merangkumi sifat luhur seperti baik hati, swadaya, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, rasional, keandalan, dan semangat bermasyarakat. Menurut Abdul Rahman Aroff (1962:2), kemoralan merupakan sesuatu yang berkaitan dengan tatasusila dan tatahukum masyarakat yang diwujudkan di luar diri individu atau beberapa peraturan yang ditetapkan oleh autoriti dalam masyarakat tersebut.

Emile Durkheim (1974:11) juga mengatakan bahawa peraturan moral diberikan autoriti khas atau kuasa memerintah. Oleh itu, peraturan tersebut perlu dipatuhi. Dalam mengutarakan aspek kemasyarakatan, persoalan nilai moral masyarakat paling utama mendapat sorotan pengkarya. Selain menyampaikan pesan umum, cerita lipur lara juga digunakan untuk menyampaikan pesan moral. Menurut Mustafa Haji Daud (1994:66), moral ditakrifkan sebagai tingkah laku yang baik atau jahat. Tingkah

laku yang baik ialah segala tingkah laku yang dikenal pasti etika sebagai baik, dan yang jahat ialah tingkah laku yang dikenal pasti oleh etika sebagai jahat.

Dalam konteks Islam, moral ialah akhlak. Terdapat pelbagai pengertian akhlak yang diberikan oleh para sarjana dan ahli agama. Akhlak berasal daripada bahasa Arab yang kata jamaknya daripada perkataan khuluqun. Perkataan khuluq bermaksud akhlak dan digunakan dalam quran sebagaimana yang diterangkan dalam surah Al-Qalam ayat 4 yang bermakna; 'sesungguhnya engkau (Muhammad) berada di atas akhlak yang tinggi'. Nabi Muhammad SAW sendiri mengatakan bahawa 'aku diutus tidak lain hanyalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia'

Berdasarkan pengertian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa etika, moral dan akhlak mempunyai hubungan yang amat erat. Ketigatiganya memperkatakan soal perilaku atau tingkah laku manusia, dan ketiga-tiga elemen ini dalam budaya Melayu termaktub dalam kata budi, iaitu alat batin yang merupakan panduan akal dengan perasaan untuk menimbangakan baik dan buruk. Dalam konteks Islam, baik buruknya dilihat dari kaca mata Islam. Baik dari pandangan Islam maka baiklah etika, moral atau akhlak seseorang itu. Jika buruk pandangan Islam, maka buruklah etika, moral dan akhlak itu.

Nilai Budi

Budi berasal daripada perkataan Sanskrit, bererti asas hikmah. Dalam ilmu kejawan, budi diibaratkan sebagai pelita atau obor yang menyinari jalan yang ditempuh oleh manusia. (R. Paryana Suryadipura, 1993:176-177). Konsep budi dalam perspektif Islam yang mendukungi kepercayaan dan adat resam masyarakat Melayu lahir daripada hati dan jiwa yang ikhlas. Budi pekerti atau akhlak lahir dari dalam dan merupakan bingkisan (refleks) hati atau jiwa bukan laku (tingkah laku) yang dibuat-buat. Jika hati dan jiwa sudah bersih, baik dan bercahaya maka akan lahirlah budi yang luhur. Jika hati dan jiwa kotor dan tidak bercahaya maka akan

lahirlah budi yang kasar dan hina (Abdul Halim Othman, 1993:2000).

Berbudi merupakan salah satu daripada unsur moral. Orang Melayu memang kaya dengan budi. Budi tidak boleh dijual beli. Budi bagi bangsa Melayu sangat tinggi nilainya, seperti yang tergambar dalam pantun berikut:

Diribut runduklah padi
Dicupak datuk Temenggung
Hidup kalau tidak berbudi
Duduk tegak kemari canggung

Tegak rumah kerana sendi
Runtuh sendi rumah binasa
Sendi bangsa ialah budi
Runtuh budi runtuhlah bangsa

Oleh sebab itulah, dalam cerita lipur lara, banyak sekali nilai budi ini diketengahkan. Semua individu dituntut supaya berbudi sesama manusia, seperti contoh berikut:

Umur setahun jagung,
Darah setampuk pinang,
Besar di bawah pisang goyangan,
Besar di bawah tebu berlengkar.

(Hikayat Awang Sulung Merah Muda, hlm. 43)

Petikan di atas menceritakan perihal pertemuan Awang Sulung Merah Muda dengan emak bongsunya. Beliau ingin memohon izin pergi belayar kerana terlalu ingin untuk merentasi lautan luas yang dilihatnya. Awang begitu berhati-hati untuk meluahkan isi hati serta keinginan yang begitu meluap-luap tanpa mengguris hati bonda bongsunya, di samping untuk mendapatkan khidmat nasihat tentang ilmu pelayaran. Ungkapan 'umur setahun jagung' menerangkan pengakuan akan kekurangan usia yang boleh dikatakan amat mentah kerana kurang pengetahuan dan pengalaman, manakala 'darah setampuk pinang' pula menjelaskan peri kekurangan ilmu yang dimiliki. Oleh itu, kekurangan yang dimiliki mestilah diatasi dengan caranya yang tersendiri. Salah satu daripada cara untuk memperoleh pengetahuan dan pengalaman yang berharga ialah berkelana ke manca negara. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu memang

dituntut untuk mengembara, iaitu keluar dari kampung halaman untuk mencari pengetahuan baru dan menimba pengalaman.

Selain itu, terdapat juga contoh nilai budi yang lain dalam Hikayat Malim Deman. Nilai budi yang dimaksudkan ialah budi bahasa. Budi bahasa ialah perlakuan atau tutur kata yang beradab dan bersopan-santun. Mereka yang beradab dan bersopan-santun dianggap sebagai orang budiman. Hikayat Malim Deman ini cuba mempamerkan sikap budi bahasa yang dimiliki oleh Malim Deman ketika berkunjung ke teratak nenek kebayan. Peristiwa ini memberikan satu gambaran bahawa Malim Deman ketika berada di kayangan telah terjumpa rumah nenek kebayan dan beliau telah meminta keizinan untuk memasukinya seperti yang terkandung di dalam pantun tersebut:

Kerikal gulai maman,
Digulai dengan daun cempa;
Mengapa orang muda di laman,
Silakan naik kita berjumpa.

Bunga angsana di kebun nenek,
Dahannya rendang pohonnya rampak;
Bagaimana kami nak naik,
Tuan rumah belum lagi nampak.

(Hikayat Malim Deman, hlm. 54)

Budi bahasa bukan terhad pada sumbangan atau kelakuan individu sahaja, malahan nilai budi bahasa mencerminkan seluruh sistem kehidupan dan amalan orang berkenaan. Pencerminan itu menandakan bahawa amalan budi bahasa bukan menjadi tanggungjawab pemerintah sahaja. Sebaliknya, tanggungjawab menjayakan amalan budi bahasa bersifat individual dan kolektif, sebagaimana amalan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Antara media yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional untuk mensosialisasikan anggota masyarakatnya ialah melalui budaya ekspresif. Genre seperti pantun, syair, gurindam, seloka, bangsawan, wayang kulit, makyong, pelbagai jenis dikir, cerita lipur lara, dan sebagainya merupakan wahana komunikasi yang ada pada ketika itu. Dalam pantun misalnya, terdapat begitu banyak ekspresi tentang budi yang dihasilkan oleh

pengarang. Masyarakat diajak membina budi dalam diri, berbudi kepada masyarakat dan menghargai budi seseorang serta berbudi kepada tanah dan makhluk Tuhan yang lain. Malahan cara berpakaian pun dirakamkan dalam puisi, sebagaimana petikan di bawah.

Seluar sutera, seluar alang,
Beratus cermin di kakinya,
Beribu cermin di pinggangnya,

dipasangkannya :

Kain cindai neka selasih,
Jikalau dijemur, bertambah basah,
Jikalau direndam, bertambah kering,

dicacaknya:

Tengkolok kampuh pelangi,
Tiap sudut tiap hikmat,
Tiap sudut tiap pematih,
Tiap sudut tiap pemanis,

(Hikayat Awang Sulung Merah Muda, hlm. 12)

Kasih Sayang

Melayu zaman dini, tetap mengutamakan kasih sayang demi kelangsungan hidup yang bermakna. Hal ini terlihat jelas dalam petikan berikut. Malim Deman menjawab pertanyaan Si Kembang Cina perihal kedudukannya di hati Tuanku Malim Deman sebelum baginda berangkat untuk mencari bakal isterinya setelah memperoleh alamat melalui mimpi. Ini menunjukkan bahawa konsep dan falsafah dalam ungkapan malam mencari mimpi dan siang mencari erti sudah diamalkan oleh masyarakat Melayu dini.

Antara padi jangan semantung,
Di situ sorak ditukarkan;
Antara hati dengan jantung,
Disitu adik ditinggalkan.

(Hikayat Malim Deman, hlm. 199)

Si Kembang Cina berasa amat berbesar hati setelah mendengar pengakuan yang diberi sebelum melepaskan Tuanku Malim Deman pergi ke hulu Bandar Muar dengan membawa bersamanya Si Kumbang, anjing perburuan istana. Pada baris rangkap ketiga, ‘antara hati

dengan jantung' itu jelas menggambarkan kedudukan diri Si Kembang Cina di dalam hati Tuanku Malim Deman. Kedudukan istimewanya adalah antara hati dengan jantung sudah cukup untuk menyirnakkan kebimbangan Si Kembang Cina. Hal ini juga dapat menunjukkan betapa tingginya nilai kasih sayang Tuanku Malim Deman kepada Si Kembang Cina. Orang dahulu mengungkapkan rasa hati dengan kias ibarat. Walaupun tidak secara langsung tetapi kiasnya cukup mengesankan. Perasaan kasih sayang ini terus dilestarikan dalam pantun Melayu seperti berikut:

Sayang Sarawak sungainya sempit
Buah nanas lambung-lambungan
Hendak kubawa perahuku sempit
Tinggallah tuan tinggal junjangan

Selain itu, Hikayat Awang Sulung Merah Muda juga menyampaikan pemikiran tentang nilai kasih sayang. Kasih sayang merupakan satu perasaan cinta, kasih dan sayang kepada seseorang. Erti kata kasih sayang boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu cinta antara manusia dengan manusia, manusia dengan Tuhan dan manusia dengan alam. Perasaan sayang selalunya akan disampaikan melalui pantun oleh masyarakat tradisional. Hal ini telah memperlihatkan bahawa masyarakat tradisional sangat mementingkan kesopanan dan kesantunan, terutamanya dalam berkasih sayang. Perasaan kasih sayang merupakan hukum alam yang tidak dapat dihalang oleh manusia daripada terus berlaku kerana sudah ditakdirkan oleh Ilahi. Berikut merupakan contoh pantun kasih sayang:

Meranti berbayang-bayang
Tampak dari Kota Lama
Buah hati tinggallah sayang
Tidak abang pergi lama.

(Hikayat Awang Sulung Merah, hlm. 86)

Pantun tersebut telah disampaikan oleh Awang Sulung Merah Muda tatkala beliau terpaksa meninggalkan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa untuk turun ke darat untuk melihat adat resam negeri. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Awang Sulung Merah Muda tidak akan

meninggalkan tuan puteri dengan jangka masa yang lama kerana pasti akan disulami rindu yang mendalam.

Tolong-menolong

Dalam cerita lipur lara juga telah diselitkan tentang nilai tolong-menolong atau sikap bantu membantu antara satu sama lain. Tidak kira pembesar mahupun rakyat jelata, masing-masing bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Cerita lipur lara telah mencandran salah satu pemikiran moral, iaitu tolong-menolong dengan jelas dan meyakinkan. Misalnya dalam contoh berikut:

Yang capik datang bertongkat,
Yang buta beraba-raba,
Yang tuli leka bertanya,
Yang kecil terambin lintang,
Yang jarak tolak-tolakkan,
Yang pendek bertinjau-tinjau,
Yang kurap mengekor angin,
Yang pekak pembakar meriam,
Yang buta penghembus lesung,
Yang lumpuh menghalau ayam,
Yang pekung penjemuran,
Yang kurap pemikul buluh.

(Hikayat Malim Deman, hlm. 197)

Petikan di atas menggambarkan situasi kerukunan dan semangat gotong-royong dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang mereka amalkan. Gambaran yang sedemikian diperlihatkan dalam setiap upacara keramaian seperti kenduri-kendara dan perkahwinan raja atau dalam kalangan pembesar istana.

Rakyat jelata turut terlibat dalam pengendalian upacara atau pesta yang diadakan kerana masing-masing diagihkan dengan tugas yang bersesuaian dengan kebolehan diri masing-masing, walaupun keadaan fizikal mereka kurang sempurna. Kecacatan atau kelainan upaya bukan satu penghalang untuk berbakti. Justeru, tiada seorang yang ketinggalan untuk turut sama menyertai sebarang perayaan atau keramaian yang diraikan. Yang tempang kakinya datang dengan bantuan tongkat untuk mengimbangi tubuhnya supaya tidak sukar

untuk berjalan. Yang tuna netra menggunakan tangan dan kakinya mencari arah yang tepat untuk sampai ke tempat tujuan. Yang tuna rungu tidak segan untuk bertanya jalan yang tepat ke tempat tujuan. Yang kurap diberi tugas memikul buluh kerana miangnya tentulah tidak memberikan kesan padanya. Yang pekak diberi tugas membakar meriam kerana bunyi dentuman kuat tidak mendatangkan mudarat kepadanya. Demikianlah, setiap orang memainkan peranan mengikut keupayaan masing-masing. Tidak ada orang yang dipinggirkan, semuanya mengambil bahagian.

Semangat inilah yang kemudiannya diungkapkan oleh orang tua dalam bentuk pesanan kepada anak cucu, iaitu tirulah kehidupan kelapa, tidak ada satu bahagian pun daripada dirinya yang tidak memberi faedah kepada manusia. Daunnya yang tua dapat dijadikan atap, pucuknya yang muda dapat dijadikan ketupat, daunnya yang telah kering (kelerai atau manggar) dapat dijadikan suluh, lidinya dapat dijadikan penyapu, batangnya dapat dijadikan tonggak atau tiang rumah, sabutnya dianyam menjadi tikar, tempurungnya dibakar menjadi bara, isinya menjadi makanan, diremas menjadi santan, dimasak menjadi minyak. Malah boleh dibuat perbandingan dalam bentuk kiasan lagi, iaitu kalau tua, jadilah tua-tua kelapa, makin tua makin berminyak.

Semangat kerjasama dan gotong-royong yang digambarkan merupakan situasi sebenar kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang mengamalkannya. Penegasan yang hendak disampaikan oleh penuturnya ialah keadaan fizikal tidak menghalang anggota masyarakat untuk menyumbangkan tenaga demi menjayakan setiap perancangan yang melibatkan masyarakat kampung. Keutuhan semangat yang ditunjukkan merupakan satu kebanggaan yang mungkin tidak terdapat dalam masyarakat lain di dunia.

Masyarakat Melayu dahulu memerlukan institusi gotong-royong dalam melakukan kerja yang memerlukan ramai tenaga seperti yang terkandung dalam Hikayat Malim Deman. Institusi seperti ini mencandrakan sifat tolong-menolong yang tinggi dalam kehidupan

masyarakat Melayu. Terdapat juga nilai tolong-menolong dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda yang diselitkan menerusi watak Si Kembang Cina. Si Kembang Cina telah membantu dalam menyediakan santapan buat Tuan Puteri Si Helang Bakau yang hamil tiga bulan, sangat mengidamkan pelanduk putih jantan mengandung. Maka setelah diperoleh Si Helang Laut, Si Kembang Cina terus memasak untuk santapan tuan puteri. Selain itu, Si Kembang Cina juga telah menjaga Tuan Puteri Si Helang Bakau dengan baik sepanjang tempoh kehamilannya. Sikap tolong-menolong yang ditunjukkan oleh Si Kembang Cina dalam menyediakan santapan tuan puteri dapat dilihat dalam ungkapan berikut:

Yang patut tumis, ditumiskan,
Yang patut rendang, direndangkan,
Yang patut gulai, digulaikan.

Pemikiran tentang Sosiopolitik dan Kepemimpinan

Pendekatan sosiologi aliran Interaksionisme diterapkan untuk mengenal pasti hubungan interaksi dalam komuniti. Pendekatan sosiologi dapat mengenal aktiviti sosialisasi dan tindak balas individu terhadap proses sosialisasi yang berlaku dalam masyarakat. Tatacara berkenaan mendedahkan tindak balas dan hubungan interaksi antara individu golongan pemerintah dengan golongan diperintah dan peranannya. Proses sosialisasi yang berlaku mewujudkan perubahan tingkah laku sosial. Perubahan sedemikian akan menghasilkan rangsangan ke arah interaksi antara pembesar atau pemerintah dengan rakyat berlandaskan sikap hormat dan taat setianya. Sekiranya interaksi tidak berlaku, maka akan terjadi perubahan negatif dalam masyarakat. Sehubungan itu, nilai dan norma sesebuah masyarakat akan berubah.

Perubahan ini akan memberikan kesan pada kenegaraan dan sahsiah. Elemen kenegaraan ini diperlukan untuk menjamin wujudnya pemerintah. Tanpa pemerintah, manusia terdedah kepada pelbagai kezaliman. Justeru, setiap individu mesti mengambil berat hal politik. Dalam masyarakat Melayu, arena politik

biasanya dikuasai golongan atasan seperti raja dan pembesar. Dalam cerita lipur lara, pengarang telah menonjolkan satu gambaran tentang kegemilangan sifat yang dimiliki oleh sesebuah negeri yang amat sempurna sebagaimana yang terkandung dalam Hikayat Malim Deman.

Medannya indah bukan kepalang,
Rantaunya luas bagai dibentang,
Tebingnya tinggi bagai diraut,
Pasirnya serong bentuk taji,
Batunya ada besar kecil,
Yang kecil pelontar balam,
Jika untung kena ke balam,
Jikalau tidak kena ke tanah;
Menderu selawat ibu ayam,
Elang disambar punai jatuh.

(Hikayat Raja Muda, hlm. 3)

Selain itu juga, terdapat contoh tentang kebesaran dan kegemilangan sesebuah negeri yang baharu sahaja dibuka sebagaimana berikut:

Teman dengan sekerat kota,
Emas perak penuh di rumah,
Tangga rumah emas bertuang,
Labu tangga emas bertitik;
Batuan sawa mengulur;
Penuh-sesak hamba sehayat,
Ada yang empat senama,
Ada yang lima senama,
Dilaung dirumah di tanah menyahut,
Dilaung di tanah di rumah menyahut.

(Hikayat Malim Deman, hlm. 3)

Petikan di atas merupakan satu pengisahan tentang kemakmuran sesebuah negeri yang baharu dibuka, disertai dengan kekayaan yang dimiliki, haiwan ternakan serta bilangan rakyat jelata yang tidak terperi banyak sehingga penuh sesak, tiada ruang yang tidak ada manusia. Kemakmuran yang digambarkan amat luar biasa. Fenomena ini juga menggambarkan bahawa keadaan politik negeri itu amat stabil. Sistem pemerintahannya tersusun rapi sehingga urusan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan efisien.

Pemikiran tentang Kepemimpinan

Hikayat Malim Deman telah menyelitkan pemikiran politik tentang persoalan kepemimpinan. Pemimpin yang baik ialah pemimpin yang bijak mentadbir negara, ikhlas dan amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawab kepada mereka. Dalam Hikayat Malim Deman, digambarkan kehidupan seorang insan yang berkedudukan dan dihormati. Bagaimana insan itu dimuliakan dan diagungkan dapat dilihat daripada petikan berikut:

Bukan teluk parang-parang,
Anak ketam di dalam padi,
Telutuh dilepuh-lepuh,
Enayang di balik rumah;
Bukannya makhluk sebarang-barang,
Cucu Adam sepijan nabi,
Turun di langit yang ketujuh,
Jadi khalifah pada Allah.

(Hikayat Malim Deman, hlm. 187)

Melalui petikan di atas, dapat dikesan bahawa Hikayat Malim Deman menegaskan perihal kemuliaan dan ketinggian darjat asal usul keturunan Tuanku Gombang Malim Dewa yang memerintah bandar Muar. Jurai keturunan Tuanku Malim Deman dijadikan sebagai tirai penceritaan untuk mengisahkan kehebatan asal-usul keturunan yang boleh dianggap sebagai sesuatu kelebihan yang dimilikinya. Dengan kata lain, ketinggian darjat yang dimiliki merupakan satu aset yang tidak mungkin dimiliki oleh orang kebiasaan atau rakyat jelata. Ketinggian darjat ini dikaitkan juga dengan konsep daulat, iaitu kebahagiaan yang ada pada raja.

Selain itu, cerita lipur lara juga telah memberikan gambaran fizikal seorang pemimpin yang agung.

Lebah bersarang di perutnya,
Tebuan bersarang di dagunya,
Pipit di pangkal tanduknya,
Ular melilit di kepalanya,
Lipan berteduh di pangkal ekornya,
Kala bertunggu di telinganya.

(Hikayat Raja Muda, hlm. 10)

Kehebatan Raja Seri Mandul digambarkan sebagai mempunyai kehebatan paras rupa yang begitu bengis dan menakutkan kepada setiap mata yang memandangnya kerana mempunyai ciri keajaiban yang dimilikinya. Selain itu, terdapat juga petikan yang memperlihatkan kehebatan saat kelahiran seorang putera yang bakal menjadi wira.

Tujuh batang gelegar patah,
Tujuh bilah lantai patah.

Petikan di atas menggambarkan kelahiran Tuanku Malim Deman dalam Hikayat Malim Deman, dan juga kelahiran Raja Muda dalam Hikayat Raja Muda. Pemikiran yang terdapat dalam kedua-dua teks ini telah menyentuh ciri pemimpin atau pemerintah dari segi bentuk fizikal yang digambarkan. Gambaran tersebut telah menunjukkan bahawa betapa hebatnya pemimpin atau pemerintah pada zaman masyarakat Melayu lama. Wira digambarkan bentuk fizikal yang tampan dan gagah perkasa, sedangkan lawannya digambarkan bentuk fizikal yang kurang menarik dan buruk tingkah lakunya.

Pemikiran tentang Kepahlawanan

Dalam cerita lipur lara juga terkandung pemikiran tentang kepahlawanan untuk menggambarkan kekuatan seseorang pemerintah yang ingin melindungi negaranya daripada serangan musuh. Cerita lipur lara telah menyelitkan pemikiran tersebut untuk menunjukkan ciri seorang pemerintah yang perlu ada sifat kepahlawanan dalam diri mereka. Sebagai pemerintah, mereka hendaklah berani untuk mempertahankan negeri demi rakyat jelata. Hikayat Malim Dewa, telah memaparkan perihal keberanian Tuanku Gombang Malim Dewa yang dilambangkan oleh pakaiannya, ketika baginda bersiap sedia untuk pergi berperang dengan Maharaja Pertukal.

Seluar intan dikarang,
Karangan Husan dan Husin,
Bukan perbuatan zaman sekarang,
Ditiup angin, berkalih musim.
Panjangnya tengah tiga puluh,
Tiga puluh dengan rambu-rambunya.

Tengkolok kampuh pelangi kunung,
Bersurat kalimah Arab,
Tiap sudut ada azimat,
Tiap segi ada hikmat,
'Alimunan berkatimun,'
'Si pedih tikam tak kena'
'Sendi gading baris laksaman'
'Kunci mara, selisih mara,'
'Sangka bunuh kata kasihan,'
'Si Awang lebih,' 'Si Palit gila,'
'Asyik sekampung,' 'Bandung sekota,'
Kerisnya keris jalak jantan,
Berkerawang pamur di pangkalnya,
Kalimat Arab di hujungnya,
Besi bukan sebarang besi,
Itulah nama besi Khersani,
Besi yang asal diturunkan Allah,
Setahun Bugis berenang,
Riak ditikam mati juga,
Setahun musuh berjalan,
Bekas ditikam mati juga,
Pedang jenawi lantai balai,
Berlingkar di dalam cembul gading,
Dibubuhnya di dalam ikat pinggang

(Hikayat Malim Dewa, hlm. 97-98)

Pemakaian beradat yang penuh simbolik merupakan satu istiadat yang dilakukan untuk berhadapan dengan pihak musuh yang tidak kurang juga kehebatannya. Jika diteliti, pakaiannya itu memiliki keistimewaan dan kelebihan disertai azimat untuk tujuan perlindungan daripada ancaman pihak musuh yang ingin menghapuskan baginda dan bala tenteranya. Hal ini telah mendeskripsikan peristiwa peperangan yang dapat mengaitkannya dengan kelancaran perjalanan cerita yang disampaikan agar dapat mengawal penumpuan pendengar serta membangkitkan kesan kepuasan yang mendalam.

Hikayat Malim Deman juga telah menunjukkan sifat kepahlawanan sang wira. Dalam hikayat tersebut, Malim Deman telah berjaya melawan Mambang Molek, anak raja kayangan. Dengan sifat kepahlawanan itulah beliau berjaya dalam sebarang pertempuran atau perlawanan. Umumnya, mereka yang bersifat kepahlawanan ini memiliki jiwa besar,

mempunyai kecekalan yang tinggi dan tidak mudah tunduk kepada musuh, walau hanya bersenjatakan keris, tombak dan badik. Mereka ini bukan sahaja gagah perkasa dan berani melawan musuh, malah mempunyai ilmu di dada. Peribahasa kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga; sedangkan bah kapal tak hanyut, inikan pula kemarau panjang; biar berputih tulang, jangan berputih mata sering dikaitkan dengan kepahlawanan dalam masyarakat Melayu. Dalam hal ini, pengarang telah menunjukkan ketangkasan serta penguasaan ilmu silat yang mendalam dapat menewaskan musuh dengan mudah. Hal ini dapat dibuktikan dengan pantun di bawah yang memberikan gambaran tingkah laku Malim Deman ketika diserang oleh musuh dengan bertalu-talu.

Diparang ke kiri melompat ke kanan,
Diparang ke bawah melompat ke atas,
Diparang ke atas menyusup ke bawah.

Ditikam ke kiri ia ke kanan,
Ditikam ke kanan ia ke kiri,
Ditikam ke hadapan ia ke belakang,
Ditikam ke atas ia menyusup ke bawah,
Ditikam ke bawah ia melompat ke atas.

(Hikayat Malim Deman, hlm. 64)

Pemikiran tentang Sosioekonomi

Penerapan teori sosiologi aliran Interaksionisme dapat mengenal pasti interaksi individu dalam aktiviti sosioekonomi. Dalam membicarakan aspek ini, Hikayat Malim Deman telah memberikan gambaran dalam aspek ekonomi melalui perniagaan, iaitu tentang kesibukan dan kemewahan aktiviti perdagangan di kawasan pelabuhan yang menjadi tumpuan para pedagang manca negara dengan membawa segala jenis khazanah untuk diperdagangkan. Perihal kekayaan diungkap melalui perkataan sutera, mastuli, lilin, kesumba, malau, emas, dan perak. Jumlah sukatan muatan pula diukur dengan menggunakan gada-gada (bendera kecil di puncak tiang kapal atau perahu untuk mengetahui arah angin) yang begitu banyak serta mempunyai warna yang pelbagai dibawa

masuk oleh pedagang luar yang datangnya dari seluruh nusantara. Jumlah gada-gada yang begitu banyak menerangkan pelabuhan yang sarat dengan barangan dagangan yang dibawa, seperti yang terdapat dalam petikan puisi di bawah:

Selup wangkang bergandingan,
Berjenis-jenis gada-gadanya,
Ada yang merah gada-gadanya,
Muatan sutera dan mastuli;
Ada yang putih gada-gadanya,
Muatan lilin dengan getah;
Ada yang hijau gada-gadanya,
Muatan kesumba dengan malau;
Muatan emas dengan perak.

(Hikayat Malim Deman, hlm. 188)

Selain itu, kegiatan ekonomi melalui perniagaan dapat dilihat dalam hikayat yang lain seperti Hikayat Awang Sulung Merah Muda. Dalam cerita lipur lara, selain menjalankan aktiviti perdagangan yang melibatkan jual beli, diperikan juga kegiatan ekonomi yang lain dengan cara mengenakan bayaran sebagai upah dalam sesuatu pekerjaan. Pengarang telah menunjukkan salah satu cara sistem ekonomi tersebut dalam ungkapan ini:

Kurang dua, dua puluh rial batu;
Kurang dua, tiga puluh rial batu;
Kurang dua, empat puluh rial batu.

(Hikayat Awang Sulung Merah Muda, hlm. 30)

Dalam petikan di atas, jelas menunjukkan salah satu sistem pengiraan. Hal ini menjelaskan bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu sudah mahir dengan pengiraan angka bagi tujuan perniagaan. Peristiwa tersebut telah menceritakan perihal Bujang Selamat yang bertanyakan kepada juragan perahu tentang bayaran untuk upah mengasah gigi anakanda baginda, iaitu Awang Sulung Merah Muda. Walaupun perkara ini berkaitan dengan adat istiadat diraja, namun masih perlu dikenakan bayaran sebagai upah melakukan sesuatu pekerjaan yang disuruh atau diperintahkan. Inilah prinsip perniagaan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak.

Pemikiran tentang Agama

Merujuk sejarah adat yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu, pada mulanya adat yang diamalkan tidak dipengaruhi oleh mana-mana agama. Walau bagaimanapun, setelah kedatangan peradaban Hindu dan Islam ke alam Melayu, keadaan ini telah menyebabkan adat yang menjadi amalan masyarakat Melayu telah dipengaruhi oleh kedua-dua agama tersebut. Oleh yang demikian, jelaslah adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu merupakan hasil daripada gabungan pengaruh kedua-dua agama.

Sehubungan itu, pengertian tentang pengaruh agama juga turut diperjelas oleh beberapa pengkaji. Antaranya ialah tokoh yang bernama Djojodigoeno (1958). Menurut beliau, unsur yang begitu luas pengaruhnya dalam kepercayaan adat ialah unsur keagamaan, iaitu unsur yang dibawa oleh agama Islam dan Hindu. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pengaruh Islam dan Hindu dalam adat istiadat raja Melayu, seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

Mengenai intisari hukum adat Indonesia dapat kita nyatakan sebagai berikut: pokok pangkal hukum adat adalah ugeran-ugeran (norms) yang dapat disimpulkan dari sumber tersebut di atas (kekuasaan pemerintah negara adalah satu sendinya dan kekuasaan masyarakat sendiri) dan timbul langsung sebagai pernyataan kebudayaan. Unsur lainnya yang tidak begitu besar ertinya atau luas pengaruhnya ialah unsur-unsur keagamaan, teristimewa unsur-unsur yang dibawa oleh agama Islam, pengaruh agama Hindu dan Kristian pun ada juga.

(Djojodigoeno, 1958:8)

Pengaruh Islam

Cerita lipur lara juga boleh dijadikan sebagai sebuah cerita teladan. Hal ini demikian kerana cerita ini telah menyelitikan beberapa pengajaran, nasihat atau petunjuk kepada manusia dalam kehidupan sehari-hari. Hikayat Awang Sulung Merah Muda telah menceritakan perihal Awang

Sulung Merah Muda yang begitu terang hatinya sewaktu mengikuti pengajaran Tuan Kadi Alim mengaji al-Quran.

Kadi membaca sehelai,
Ia membaca sejuz,
Kadi membaca sejuz,
Ia membaca tiga juz,
Kadi membaca dua puluh juz,
Ia membaca sampai khatam.

(Hikayat Awang Sulung Merah Muda, hlm. 19)

Kepintaran Awang Sulung Merah Muda menjadi contoh serta teladan akan kebolehnya menguasai sesuatu yang begitu luar biasa. Sebagai orang Islam yang taat, menjadi kewajaran untuk menguasai keterampilan membaca al-Quran dan lebih wajar sekiranya ia memahami maksudnya. Setiap ibu bapa mengharapkan anaknya menjadi pintar seperti Awang Sulung Merah Muda yang pandai mengaji al-Quran. Setiap 'juz' yang digunakan sebanyak empat kali menerangkan ukuran bahawa setiap juz mengandungi sepuluh lembaran halaman al-Quran. Keterampilan Awang Sulung Merah Muda menguasai pembacaannya melebihi beberapa kali ganda daripada gurunya Tuan Kadi Alim itu dapat membanggakan gurunya sendiri dan juga kedua-dua ibu bapa serta sekian rakyat jelata yang mendengarnya.

Janggut terlipat hingga ke riba,
Jubah terlepas hingga ke kaki.

Petikan di atas juga merupakan suatu pemikiran tentang agama yang dimuatkan dalam Hikayat Malim Deman dan Hikayat Awang Sulung Merah. Rangkap di atas menerangkan perihal alim ulama yang bertaraf wali Allah (orang saleh), selain menerangkan bahawa peristiwa atau kejadian yang menimpa watak yang diceritakan merupakan sesuatu yang bersandarkan atau dikaitkan dengan ajaran Islam. Penerapan unsur Islam mula diselitikan dalam penceritaan kerana kesedaran pihak penceritanya untuk turut menyelitikan unsur dakwah serta menghilangkan pengaruh Hindu secara beransur-ansur dalam hikayat yang disampaikan, di samping untuk menyedarkan

masyarakat tentang tanggungjawab terhadap dakwah dan kebesaran agama Islam yang mula dianuti oleh masyarakat Melayu.

Gambaran kealiman wali Allah melalui penampilan dan cara berpakaian yang digambarkan amat sesuai dengan sifat cendekia kerana penampilan sedemikian tidak diamalkan oleh orang biasa yang tidak berlatarbelakangkan agama tetapi untuk golongan wali dan alim ulama yang dipercayai berpakaian mengikut sunnah nabi. Pada kebiasaannya, kemunculannya hanya didapati melalui mimpi sebagai salah satu cara untuk menyampaikan pesanan ataupun peringatan, di samping bertujuan untuk menimbulkan satu kesan keajaiban ataupun mistik.

Dalam Hikayat Raja Muda juga dimuatkan beberapa aspek agama Islam. Misalnya, Bujang Selamat telah mengikuti pengajian al-Quran dengan seorang kadi pada usia dua belas tahun. Pembacaannya ketika mengaji dapat dijelaskan dalam ungkapan ini:

Nahu dengan mantik,
Lafat dengan makna

(Hikayat Raja Muda, hlm. 2)

Bujang Selamat digambarkan sebagai seorang yang pandai dalam mempelajari ayat suci al-Quran. Hal ini terbukti, dengan cara ia mengaji menggunakan sebutan yang betul atau ucapan yang baik dan setiap sebutannya seolah-olah mendukung erti sesuatu kata. Setiap penyusunan kata dan kalimat yang digunakan juga berdasarkan fikiran, iaitu dengan mengambil kira makna yang tersirat. Kebolehan yang ditunjukkan oleh Bujang Selamat telah membanggakan gurunya dan setelah khatam, gurunya telah mengajar perihal ilmu duniawi pula. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dini memberikan penekanan terhadap cara membaca ayat suci al-Quran dengan betul dan pada masa yang sama, menyedarkan orang Islam bahawa mereka perlu menguasai hukum dalam pembacaan al-Quran.

Pengaruh Hindu

Pengaruh Hindu juga turut dilihat pada sambutan yang telah dilakukan dalam istiadat bersalin, iaitu satu upacara gilang-gemilang yang disisipkan dengan tarian, nyanyian, dan alatan muzik. Pengaruh Hindu telah meresap dalam kebudayaan Melayu, terutamanya dalam kegiatan seni. Dalam cerita lipur lara, banyak terdapat adat Melayu ketika dahulu. Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda telah dikisahkan tentang salah satu adat mengasah gigi bagi seseorang anak raja. Asah gigi menjadi perkara utama dan wajib kerana gigi yang elok, kemas dan tersusun lagi bersinar akan menunjukkan status yang tinggi dalam kalangan aristokrat. Lebih-lebih lagi dalam kalangan raja yang berdaulat.

Di betis tajam belat,
Di pinggang perak berlapis,
Di dada bintang menabur,
Di rusuk siku keluang,
Di belakang lentik padi,
Di lengan semut beriring,
Di tengkuk puyuh berlaga,
Di dagu, kumbang berteduh,
Di dahi panau meninjau;
Sebiji panau yang elok,
Tumbuh di lesung, lesung pipi,
Imbar-imbaran di bawa tertawa,
Nama panau celak Nabi Adam,
Pipi bagai pauh dilayang,
Hidung kuntum bunga serayu,
Telinga telepek layu,
Dahi bagai sehari bulan,
Kening bagai bentuk taji,
Leher jinjang buyung Petani,
Lengan seperti baur panah,
Jari halus tombak serai,
Pinggang secekak jari manis,
Betis bagai bunting padi,
Tumit bagai telur burung,
Ibu kaki bungkal setahil.

(Hikayat Awang Sulung Merah Muda,
hlm. 34)

Keelokan dan ketampanan Awang Sulung Merah Muda setelah melalui istiadat mengasah

gigi begitu terserlah. Namun, sebagai galang ganti akan upah yang diberi, pengasah gigi terpaksa dibunuh untuk mengelakkannya daripada menjalankan istiadat yang sedemikian kepada orang lain. Hasil kerja yang elok hanya layak diperlakukan kepada seorang anak raja, dan tidak sekali-kali akan diperlakukan kepada mana-mana individu lain untuk mengelakkan pertindanan, apatah lagi jika dilakukan istiadat tersebut terhadap anak raja lain. Peristiwa ini seakan-akan sama dengan peristiwa tukang pahat untuk ukiran Taj Mahal di India, iaitu istana lambang cinta murni Shah Jehan kepada permaisurinya Mumtaz, yang dibunuh raja kerana takut hasil seninya dimanfaatkan oleh orang lain.

Selain adat istiadat, bahasa yang terdapat dalam cerita lipur lara juga banyak dipengaruhi oleh Hindu. Perbendaharaan kata yang digunakan dalam prosa, puisi dan pantun diambil daripada agama Hindu yang hampir keseluruhannya ialah bahasa Sanskrit yang merupakan bahasa bagi golongan Brahmin. Sebagai contoh, istilah guru, dosa, syurga, neraka, siksa, nirwana, harta, warna, dewa, dewi, seri dan ribuan lagi sehinggakan menjadi kebiasaan untuk dipertuturkan.

Dalam hal ini, cerita lipur lara telah diresapi oleh pengaruh Hindu berdasarkan teknik penceritaan serta penggunaan bahasa yang dijumpai dalam pantun mahupun syair. Kerajaan Hindu menganggap bahawa raja ialah penjelmaan dewa. Mereka mempunyai kepercayaan dan falsafah bahawa kayangan yang terletak di atas langit merupakan tempat tinggal bagi para dewa. Ini terlihat jelas dalam petikan berikut:

Ayuhai kakanda muda terala,
Negeri adinda Mercu Kemala,
Di atas kayangan gerangan pula,
Bersama baginda Betara Kala.

Maharaja Dewa nama ayahanda,
Bidadari Segerba nama adinda,
Puteri Bongsu timangan bonda,
Yang keenam ini paduka kakanda.

Adinda ini bangsa dewa,
Sedikit tersenyum banyak tertawa,
Tiadalah besar nafsu dan hawa,
Beranilah juga membuang nyawa.

(Hikayat Raja Muda, hlm. 24)

Dalam petikan bahasa berirama di atas, jelas menggambarkan asal usul bidadari Segerba yang berketurunan dewa dan memiliki kesaktian yang luar biasa. Ayahandanya Maharaja Dewa pula memiliki sebuah kerajaan yang besar dan bala tentera yang banyak di atas kayangan yang bernama negeri Mercu Kemala. Mercu ialah puncak menara yang paling tinggi dan kemala ialah batu yang indah dan bercahaya, berasal daripada binatang, banyak khasiatnya dan ada kesaktian. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur Hindu dalam Hikayat Raja Muda melalui pembendaharaan katanya selain penggunaan nama watak dalam cerita tersebut.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat beberapa hasil penemuan terhadap aspek pemikiran yang disentuh dalam cerita lipur lara melalui pelbagai contoh yang dikemukakan, iaitu pemikiran dari aspek moral dan budi, sosiopolitik dan kepemimpinan, kepahlawanan, sosioekonomi dan agama.

Pemikiran dari aspek moral budi lebih menekankan nilai positif, terutama nilai kasih sayang dan tolong-menolong. Dari aspek politik, dikemukakan perihal peranan pemerintah dalam memantapkan pentadbiran negeri. Pemerintah dan rakyat saling menyokong dan bekerjasama dalam semua aktiviti. Pemimpin yang agung dan disanjung ialah pemimpin yang prihatin terhadap rakyatnya, dan berani mempertahankan negeri demi maruah. Negeri yang aman damai akan mengundang para pedagang untuk menyemarakkan aktiviti perniagaan yang mencerminkan kekayaan khazanah Negara.

Peranan alim ulama amat penting dalam menegakkan keadilan dalam negeri. Golongan ini dipandang tinggi dalam segala upacara adat istiadat. Walaupun adat istiadat banyak yang mencerminkan pengaruh Hindu dari

aspek luarannya, namun, pengaruh Islam telah mendominasi aspek dalamnya, iaitu telah mencengkam hati nurani rakyat sehingga berjaya mengubah pandangan sarwa masyarakat Melayu.

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa cerita lipur lara telah digunakan sebagai wahana untuk memberikan pengajaran yang amat penting dalam masyarakat kini. Pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara yang diketengahkan itu memiliki unsur-unsur kemoralan, kemotivasian, keaspirasian, keharmonian dan realiti kehidupan. Dengan demikian, segala unsur yang bersifat positif itu amat bersesuaian untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Oleh itu, wajarlah cerita penglipur lara perlu diserapkan dalam pendidikan bahasa Melayu kerana dapat memainkan peranan penting dalam membentuk budi pekerti yang mulia, jati diri, bertanggungjawab, dan keupayaan bagi mencapai kesejahteraan dan citra diri. Selain itu, dalam teknologi hari ini juga memberi kemudahan dalam menyampaikan cerita penglipur lara melalui penerokaan media dalam talian seperti *Youtube*, *Facebook*, *Tumblr*, *Twitter* dan blog-blog. Hal ini kerana sesiapa sahaja tidak perlu lagi untuk menjelajah ke sesuatu tempat, menawan hati dengan ceramah atau kemahiran bercerita. Melalui media tersebut, si penglipur lara boleh melontar dan menerima cerita setiap hari kerana pada masa kini masyarakat hidup dengan penglipur lara ciptaan sendiri.

Rujukan

- Abdul Halim Othman. (1993:2000). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Aroff. (1962). *Malaysian National*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abu Bakar Hamid. (1974). *Diskusi Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adam Kuper dan Jessica Kuper. (2000). *Ensiklopedia Ilmu-ilmu Sosial*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Alis Murni. (1969). "Penglipur Lara Melayu dan Kaba Minangkabau – Satu Perbandingan" bgh. 2 dalam Dewan Bahasa 13:2 Februari 1969.
- Asmah Hj. Omar. (1986). *Bahasa dan Pemikiran Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1965). *Kesusasteraan Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Djojodigoeno. (1958). *Asas-asas Adat Hukum Adat*. Jogjakarta: Pradnja Paramita.
- Durkheim, Emile. (1974). *Sociology and Philosophy*. New York: Free Press.
- Habibah Alias dan Rahil Mahyudin. (1990). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. (2001). *Lembaga Budi*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamil Bakar et al., (1979: 6). *Kaba Minangkabau*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Mike Howard Abrams. (1971:178). *Natural Supernaturalism: Tradition and Revolution in Romantic Literature*. Norton: Cambridge University.
- Mohd Taib Osman. (1981). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (2007). *Cerita Lipur Lara*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mustafa Haji Daud. (1994). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. (1995). *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1983). "Pengarang-pengarang Wanita: Perakam Realiti Kehidupan Golongannya" dalam Dewan Sastera. Januari 1983.

- Pawang Ana dan Raja Ali Haji. (1998). *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Pawang Ana dan Raja Ali Haji. (1998). *Hikayat Raja Muda*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Pawang Ana dan Raja Ali Haji. (1998). *Hikayat Malim Deman*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Pawang Ana dan Raja Ali Haji. (1998). *Hikayat Malim Dewa*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- R. Paryana Suryadipura. (1993). *Alam Pikiran*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Safian Hussain dll. (1988). *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidi Ghazalba. (1973). *Pandangan Islam tentang Kesenian*. Jakarta: Yayasan Adikarya Ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI).
- S. Othman Kelantan. (1999). *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sweeney. (1973:8). *Cases and Materials on the International Legal System*. New York: Foundation Press.
- Syed Hussein Al-Attas. (1977). *Nationalist Myths and Ethnic Identities: Indigenous Intellectuals*. London: Frank Cass.
- Zainal Kling. (1989). *Pemikiran Sosiopolitik Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.